

# Aishah: Jangan terpedaya taktik komunis

**KUALA LUMPUR, Ahad** — Pihak komunis sedang menjalankan berbagai taktik dan strategi baru untuk menakluki negara ini.

Mereka sedar selagi orang-orang Melayu tidak dapat dipengaruhi, selama itulah komunis tidak akan bertapak dalam negara ini.

Demikian kata Menteri Kebajikan Am, Datin Paduka Hajjah Aishah Ghani, ketika merasmikan Pameran Kerjasama anjuran bersama Pengerakan Wanita UMNO Bahagian dan Kemas Kuala Lumpur Bandar, di Flet Seri Sarawak, di sini, hari ini.

Beliau berkata: "Komunis juga sedar orang-

orang Melayu sangat sensitif dan berpegang teguh kepada agama Islam."

"Oleh yang demikian mereka sedang berusaha menyusup di kalangan masyarakat Melayu melalui pertubuhan-pertubuhan yang berunsur agama," tambahnya.

## Berkesan

Beliau mengesyorkan supaya UMNO dan Kemas menyusun strategi berkesan bagi memperkukuh ketahanan masyarakat supaya tidak mudah dipengaruhi oleh anasir komunis dan dadah.

Katanya, ibubapa juga perlu mempunyai program-program tertentu

bagi memastikan anak-anak mereka tidak boleh dipengaruhi oleh dua musuh negara ini.

Beliau memberitahu, kegiatan-kegiatan seperti mengadakan kelas-kelas urusan rumah tangga, kursus-kursus politik, kursus-kursus kepimpinan, penubuhan koperasi dan sebagainya adalah aktiviti-aktiviti yang dapat membantu ke arah ketahanan diri.

Datin Paduka Hajjah Aishah turut menggesa ibubapa memberi perhatian terhadap anak-anak mereka dengan memberi latihan atau didikan agar menjadi orang yang tekun dan dedikasi.

Beliau menyatakan untuk mencapai matlamat tersebut anak-anak perlu dilatih sejak kecil mengisi masa lapang dengan membuat kerja-kerja yang berfaedah.

Beliau menekankan pentingnya ibubapa dan orang-orang Melayu khususnya sentiasa menyediakan pilihan kepada anak-anak sekiranya gagal dalam mencapai sesuatu.

## Berjaya

Sebagai contoh, katanya, kita mahukan mereka berjaya dalam lapangan pelajaran tetapi sekiranya gagal kita sudah menyediakannya ia asas-asas pelajaran atau pengalaman perniagaan.

Beliau turut mengesyorkan kepada ibubapa sekiranya anak-anak mereka tidak maju dalam pelajaran supaya memberi perhatian dalam bidang binaan bangunan.

Katanya, terlalu sedikit orang Melayu bekerja dalam sektor binaan bangunan.

Beliau memberitahu, walhal pendapatan seorang pekerja mahir seperti tukang cat dan tukang simen lebih lumayan dari pendapatan buruh.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia